

26/03/2002

Syor tubuh suruhanjaya siasat kes Tabung Haji

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

PENGALAMAN bertugas dalam bidang ketenteraan memberikan kelebihan kepada Kapt (B) Suznan Saad, 37, untuk bergaul dengan masyarakat kerana kerjaya tentera mengajarnya menghargai masa dan mengekalkan disiplin yang tinggi. Baginya, bekas tentera perlu menabur bakti dalam Umno. Ikuti temu bual Penulis Khas Berita Harian (BH), AZHAR ABU SAMAH dan KHAIRUL ANWAR RAHMAT, dengan Kapt (B) Suznan yang menyentuh perkembangan politik dan semasa tanah air, termasuk soal pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari di Bentong, Pahang.

BH: Mengapa saudara memilih bidang politik selepas berhenti daripada perkhidmatan tentera?

KAPT (B) SUZKAN: Ketika di sekolah dulu, saya suka menyertai pertandingan pidato dan menjadi ketua pelajar. Jadi selepas berhenti, saya terus menyertai politik kerana sememangnya minat dalam bidang ini sejak dalam tentera lagi. Keluarga saya tidak ramai menceburi politik kecuali seorang abang saya dan kini beliau sudah menumpukan perhatian kepada bidang perniagaan.

BH: Apa kelebihan sebagai seorang bekas tentera untuk menyertai politik yang penuh dengan cabaran?

KAPT (B) SUZKAN: Sebenarnya, bekas tentera jika pandai menggunakan kelebihan yang ada, mudah menyesuaikan diri dalam bidang politik. Ini kerana menyertai politik memerlukan disiplin dan sebagai bekas tentera kita sudah biasa dengan soal ini. Selain itu, kita diajar untuk menjangkakan sesuatu yang akan berlaku. Di sini kita boleh menjangkakan sebarang tindakan yang akan dibuat oleh sesiapa saja, sama ada ia musuh kita atau pun kawan. Oleh itu, kita mudah menyesuaikan diri untuk memenuhi keperluan mereka.

Kita juga boleh mengatur strategi untuk menangani masalah yang mungkin ditimbulkan mereka. Menyertai politik bukan seperti melaksanakan tugas pentadbiran kerana ia membabitkan soal perhubungan awam (PR) dan kemampuan kita bertolak-ansur. Pengalaman mendapat didikan daripada ibu bapa juga banyak membantu menempuh cabaran dalam berpolitik.

BH: Kerajaan baru-baru ini mengumumkan untuk memberi pengampunan kepada pendatang tanpa izin berkuat kuasa serta merta yang meluangkan kesempatan kepada mereka dihantar pulang ke negara masing-masing tanpa dikenakan sebarang denda atau bayaran. Apa komen saudara?

KAPT (B) SUZKAN: Usaha ini sebenarnya bermatlamat untuk mengurangkan jumlah pendatang asing tanpa izin yang ada di negara ini. Sama ada suka atau tidak, kita perlu mengakui mereka sudah bertahun-tahun bertapak di negara ini. Kita akui, ia memerlukan belanja besar untuk menghantar mereka pulang ke negara masing-masing dan tindakan kerajaan itu sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang perlu ditanggung, selain jumlah mereka dapat dikurangkan. Dari segi politik, tindakan ini pasti mendapat reaksi positif daripada pemimpin negara pendatang asing terbabit kerana kerajaan memberikan kelonggaran dalam soal 'pemutihan' yang dijalankan itu.

BH: Pemimpin Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang juga Menteri Besar Kelantan, baru-baru ini menuturkan perkataan 'barua' terhadap golongan ulama. Pada pendapat saudara wajarkah seorang pemimpin menggunakan perkataan itu ketika melemparkan kemarahannya kepada orang lain?

KAPT (B) SUZKAN: Pemimpin seharusnya mempunyai karisma tersendiri dan bukan sewenang-wenangnya mengeluarkan perkataan ketika bercakap. Apakah sesuai sebagai pemimpin Islam mewakili sebuah parti yang mengaku Islam

mengeluarkan perkataan buruk sedemikian sedangkan Islam melarang berbuat demikian. Cuba kita tinggalkan sejenak soal politik dan bertanya pada diri sendiri, wajarkah perkataan itu diucapkan oleh seorang pemimpin.

Ia menggambarkan peribadi kita apabila mengucapkan sesuatu yang tidak baik, termasuk menggunakan perkataan yang memaki-hamun orang lain. Bukankah emak bapa kita juga sering melarang menggunakan perkataan yang tidak baik, apatah lagi jika ia ditunjukkan kepada seseorang. Malah, ketika bergurau pun, kita perlu berhati-hati menggunakan perkataan bagi mengelakkan rakan kita berasa tersinggung.

BH: Sekali lagi, Tabung Haji mengalami masalah apabila ia dikatakan mengalami kerugian hampir RM80 juta kerana menyertai pelaburan dalam pasaran mata wang. Sebelum ini, Tabung Haji mengalami kerugian kira-kira RM8 juta akibat penyelewengan? Perlukan ditubuhkan suruhanjaya menyasat Tabung Haji?

KAPT (B) SUZMAN: Sebagai pendeposit dalam Tabung Haji, saya menyimpan wang untuk menyediakan perbelanjaan menunaikan haji di Makkah. Saya juga akur sebagai institusi yang mengendalikan perjalanan haji, ia pasti akan melabur bagi meningkatkan lagi kewangannya, sekali gus membolehkannya memberi dividen atau untung kepada pendeposit setiap tahun.

Oleh itu, seharusnya mereka memilih menyertai pelaburan secara berhati-hati demi memenuhi hasrat pendeposit yang mahu menunaikan haji yang semuanya Islam dan majoritinya Melayu. Mengenai masalah yang timbul itu, kita perlu menunggu keputusan siasatan mengenainya. Jika didapati ada penyelewengan atau kelemahan pengurusan Tabung Haji, sewajarnya satu suruhanjaya ditubuhkan untuk mengenal pasti masalah sebenar Tabung Haji dan kejadian sebegini dapat dielakkan pada masa akan datang.

BH: Perlukah pengurusan Tabung Haji dirombak?

KAPT (B) SUZMAN: Kita perlu tunggu laporan mengenai kes itu. Jika benar disebabkan oleh pengurusan Tabung Haji, tindakan keras perlu diambil ke atas mereka yang terbabit. Namun, jika disebabkan masalah di luar kawalan seperti faktor ekonomi, terpulanglah kepada kerajaan untuk memperbaikinya. Kita tidak boleh tuding kesalahan itu kepada sesiapa selagi siasatan belum selesai. Jika ia membabitkan soal pecah amanah, barulah kita boleh ambil tindakan.

BH: Tidakkah masalah yang berlaku di Tabung Haji itu akan menjejaskan keyakinan rakyat kepada kemampuan Tabung Haji menguruskan wang mereka?

KAPT (B) SUZMAN: Sama ada suka atau tidak masyarakat sudah ada tanggapan sedemikian ketika ini ke atas Tabung Haji. Masyarakat melihat Tabung Haji sebagai pemegang amanah pendeposit. Kita khuatir kelemahan Tabung Haji akan digunakan pembangkang untuk memperlecehkan Umno dan kerajaan. Ini yang kita khuatirkan kerana ketika ini sebarang kesilapan pentadbiran sering dikaitkan dengan Umno.

BH: Sebelum ini, DAP sudah mengumumkan tidak akan menjalin kerjasama dengan Pas kerana mahu menegakkan negara Islam di Malaysia. Bagaimanapun, DAP dan Pas nampaknya mahu bekerjasama pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ketari bagi menentang calon Barisan Nasional. Dalam soal ini, pada pandangan saudara, siapa mempergunakan siapa?

KAPT (B) SUZMAN: Ikut mana pun, baik Pas atau DAP masing-masing akan menggunakan satu sama lain. Mana-mana parti pembangkang pun, apabila ada pertandingan membabitkan parti pemerintah, mereka akan bekerjasama untuk menewaskan lawan mereka. Dalam kes Ketari, BN diwakili Gerakan, manakala pembangkang pula DAP. Mahu atau tidak, mereka akan menentangnya bagi memastikan BN tidak mendapat kemenangan mudah. Ini bermakna mereka akan terus bekerjasama kerana masing-masing ada matlamat politik.

BH: Tidakkah sedikit masalah dalam BN (Team A dan Team B) dalam MCA akan memberi sedikit ruang kepada DAP untuk mencuri undi?

KAPT (B) SUZMAN: Dalam mana-mana parti politik, mereka tidak lepas

daripada menghadapi masalah dalaman masing-masing. Dalam menghadapi ancaman DAP di Ketari, saya lihat tiada masalah langsung kerana saya percaya mereka boleh mengetepikan perbezaan pandangan yang ada demi memastikan BN menang di sini. Pada saya, tiada isu besar yang timbul kali ini.

BH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika di Russia baru-baru ini, menyarankan supaya Russia menjadi kuasa besar kedua dunia selepas Amerika Syarikat bagi mengimbangi kuasa yang ketika ini hanya Amerika Syarikat saja. Apa komen saudara?

KAPT (B) SUZMAN: Pada era 70-an, sememangnya Russia menyaingi kuasa Amerika Syarikat kerana masing-masing mempunyai fahaman komunisme dan demokrasi. Kini Amerika masih terus dengan demokrasinya manakala Russia sudah mengalami kejatuhan apabila banyak negara yang di bawah Kesatuan Soviet berpecah dan menjadi Negara Komanwel Berdaulat (CIS). Perpecahan ini diambil peluang oleh Amerika Syarikat untuk menjadi satu-satunya kuasa besar dunia, sekali gus digelar 'polis dunia'. Semua masalah dunia mahu diambil tahu oleh Amerika Syarikat dan menjadi penyibuk di seluruh dunia.

Sememangnya perlu ada imbalan kuasa di dunia. Saya tidak melihat Russia boleh mengambil peranan ini kerana ia sudah berpecah. Namun, kita tidak boleh menafikan kemampuan China yang mempunyai penduduk yang ramai di dunia. Pada pendapat saya, China boleh menjadi kuasa ekonomi besar dunia tetapi bukannya kuasa tentera. Amerika Syarikat perlu dicabar terlebih dulu dari segi ekonomi dan barulah negara yang mampu melakukannya dapat menjadi negara kuasa dunia kedua. Jika ini dapat dilakukan, Russia boleh mengimbangi kuasa Amerika.

BH: Tindakan Singapura menambak laut memperlihatkan ada saja isu baru ditimbulkan oleh negara seberang tambak itu. Mungkinkah ini satu strategi republik berkenaan. Apa ulasan saudara?

KAPT (B) SUZMAN: Saya melihat Singapura berasaskan dirinya kini sentiasa terancam. Jika selama ini, ia mengatasi Malaysia dalam pelbagai hal, kini ia semakin ke belakang. Dari segi ekonomi, pelabuhan, teknologi dan kemudahan, nampaknya Malaysia sudah dapat mengatasinya. Tanjung Pelepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Menara Berkembar Petronas dan Cyberjaya sudah dapat mengatasi Singapura. Bersyukur kerana kita ada pemimpin yang berwawasan jauh seperti Dr Mahathir Mohamad.

Hakikatnya, Singapura sengaja menimbulkan perkara yang kurang menyenangkan jirannya. Namun, kita perlu akui republik itu perlu berbuat apa saja untuk memastikan survivalnya sendiri. Dalam melaksanakan matlamat itu, ia terpaksa mengetepikan kepentingan jirannya.

Saya juga melihat Singapura terpaksa bergantung kepada kuasa besar, khususnya Amerika Syarikat. Iaitu tidak ada pilihan lain kerana sekurang-kurangnya kuasa besar itu dapat membantunya 'mengatasi' ancaman itu, khususnya dalam soal ekonomi. Lihat apa yang berlaku kepada Amerika ketika kemelesetan ekonomi turut menjejaskan ekonomi Singapura.

BH: Mungkin juga negara kita terlalu berlembut dalam soal-soal yang membabitkan kepentingan negara ini apabila membabitkan Singapura?

KAPT (B) SUZMAN: Suka atau tidak, kita perlu menghadapinya. Malah, sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi pelbagai masalah timbul dengan pemerintah Singapura, sehingga republik itu keluar daripada Malaysia. Begitu juga pada masa ini, kita perlu menghadapinya. Yang penting, pemimpin muda dari kedua-dua negara perlu terus bekerjasama memperbaiki hubungan ini. Kita perlu berfikiran menjangkau 10 tahun akan datang dalam menangani sebarang masalah membabitkan hubungan antara negara jiran.

BH: Ternyata dakwaan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam mengenai wujudnya pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah tidak berasas. Perlukah tindakan dikenakan ke atas pemimpin NUTP itu?

KAPT (B) SUZMAN: Kita gembira kerana Kementerian Pendidikan sudah mengambil langkah sewajarnya dengan melakukan siasatan melalui jawatankuasa yang dilantik bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai perkara yang ditimbulkan NUTP. Saya berpendapat NUTP tidak seharusnya membuat dakwaan tanpa melakukan kajian rapi kerana ia membabitkan soal kaum yang saya kira sensitif di negara ini. Sebagai pemimpin kakitangan awam, Siva perlu arif dalam soal ini. Sewajarnya beliau berhati-hati apabila mengeluarkan kenyataan sebegini pada masa akan datang.